



SOALAN-SOALAN LAZIM

PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT & PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH)

Berikutan pengumuman oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 28 June 2021, Agrobank komited untuk membantu pelanggan merancang komitmen pembiayaan mereka menerusi program bantuan pengurusan kewangan, khususnya pelanggan bagi kategori yang berkaitan yang menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pembiayaan mereka berikutan penularan wabak COVID-19.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah kategori pelanggan yang layak untuk memohon di bawah PEMULIH?	<ul style="list-style-type: none"> Individu - Mana-mana pelanggan individu (sama ada B40, M40 atau T20). "Usahawan mikro" – Usahawan mikro (sebagaimana didefinisikan dalam Garis Panduan Definisi PKS yang dikeluarkan oleh SME Corporation Malaysia). "PKS - Setiap PKS (sebagaimana didefinisikan dalam Garis Panduan Definisi PKS yang dikeluarkan oleh SME Corporation Malaysia).yang keadaan kewangannya terjejas akibat pandemik Covid-19.
2.	Adakah pelanggan yang tidak berdaftar di pangkalan data BSH / BPR / BPN layak untuk memohon di bawah PEMULIH?	Ya. Pelanggan yang tidak berdaftar di pangkalan data BSH / BPR / BPN layak untuk memohon di bawah PEMULIH.
3.	Untuk kategori "Usahawan mikro", adakah pelanggan perlu memenuhi kedua-dua kriteria perolehan penjualan di bawah RM300,000.00 dan mempunyai kurang dari 5 orang pekerja?	Tidak. Usahawan mikro hanya perlu memenuhi salah satu daripada dua kriteria tersebut. Bank boleh bergantung pada maklumat terkini mengenai pelanggan dalam pangkalan data dalaman atau perisytiharan diri yang diberikan oleh pelanggan.
4.	Untuk kategori "PKS", apakah yang dimaksudkan dengan pelanggan yang "keadaan kewangannya terjejas akibat pandemik Covid-19"?	<ul style="list-style-type: none"> Perniagaan syarikat terjejas akibat daripada pandemik Covid-19, dan menghadapi kesukaran untuk memenuhi kewajipan bayaran pembiayaan. Pelanggan boleh memilih faktor yang mempengaruhi perniagaan mereka melalui platform permohonan dalam talian.
5.	Apakah pakej yang ditawarkan di bawah PEMULIH?	<ul style="list-style-type: none"> Pilihan 1: Menangguhkan bayaran ansuran bulanan pembiayaan selama enam (6) bulan; atau Pilihan 2: Mengurangkan bayaran ansuran bulanan pembiayaan sehingga 50% selama enam (6) bulan.
6.	Apakah dokumen yang perlu dikemukakan oleh pelanggan untuk tujuan permohonan ?	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan tidak perlu mengemukakan sebarang dokumen semasa permohonan. Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan diluluskan, Bank boleh meminta maklumat sokongan dari pelanggan (sekiranya diperlukan) untuk tujuan pengesahan dan kemaskini maklumat pelanggan.
7.	Berapa lamakah tempoh ketersediaan PEMULIH dan bagaimanakah cara untuk memohon PEMULIH?	<ul style="list-style-type: none"> PEMULIH akan disediakan untuk pelanggan yang layak bermula pada 07/07/2021. Permohonan untuk PEMULIH boleh dibuat menerusi saluran komunikasi rasmi kami iaitu:- <ol style="list-style-type: none"> Permohonan secara atas talian di pautan https://pemulih.agrobank.com.my/ Menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476 Mengunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan



SOALAN-SOALAN LAZIM

PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT & PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH)

NO.	SOALAN	JAWAPAN
8.	Sekiranya pelanggan mempunyai dua (2) kemudahan pembiayaan mikro berjumlah kurang daripada RM150,000.00, adakah pelanggan boleh memohon PEMULIH bagi kedua-dua kemudahan tersebut?	<ul style="list-style-type: none"> Ya. Kedua-dua kemudahan layak untuk PEMULIH. Tidak ada lagi had kemudahan untuk pelanggan 'Usahawan mikro' di bawah PEMULIH. Ilustrasi ringkas adalah seperti berikut: Sekiranya pelanggan mempunyai tiga (3) kemudahan iaitu MUS1M-i dengan kelulusan RM50,000.00, Tawaruq 3F-RM200,000.00 dan SRF-RM160,000.00, pelanggan layak untuk memohon PEMULIH untuk kesemua pembiayaan.
9.	Adakah pelanggan yang membuat pemotongan gaji bulanan, melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), layak untuk PEMULIH?	<ul style="list-style-type: none"> Ya layak sekiranya pelanggan menepati kelayakan sepertimana dinyatakan di soalan 1.
10.	Jika pelanggan memenuhi kriteria kumpulan sasaran sepertimana soalan satu (1), apakah syarat untuk menyertai PEMULIH ini?	<ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan sedia ada pelanggan di Agrobank mestilah tidak mempunyai baki tunggakan melebihi sembilan puluh (90) hari atau pembiayaan baharu yang telah diluluskan pada atau sebelum 30 Jun 2021.
11.	Apakah jenis produk pembiayaan yang layak untuk PEMULIH?	<ul style="list-style-type: none"> Semua jenis produk pembiayaan yang ditawarkan oleh Agrobank.
12.	Apakah yang akan berlaku jika pelanggan memilih untuk menyertai PEMULIH ini?	<ul style="list-style-type: none"> Sila ambil maklum bahawa: <ol style="list-style-type: none"> Jumlah pembiayaan, ansuran bulanan, kadar keuntungan bank dan/ atau tempoh pembiayaan sedia ada mungkin akan berubah; Keuntungan boleh dicaj ke atas pelanggan sepanjang tempoh PEMULIH; Sekiranya berkenaan, perjanjian baharu perlu ditandatangani oleh Pelanggan.
13.	Adakah terdapat sebarang kos tambahan seperti takaful yang dikenakan kepada pelanggan yang memohon PEMULIH ini?	<ul style="list-style-type: none"> Tiada. Walau bagaimanapun, perlindungan Takaful pembiayaan tuan/puan tidak meliputi tempoh tambahan yang diberikan kepada pembiayaan. Sekiranya pelanggan ingin mendapatkan perlindungan takaful bagi tempoh tambahan, pelanggan boleh berhubung dengan pihak Bank. Kos perlindungan takaful adalah ditanggung oleh pelanggan.
14.	Adakah rekod CCRIS pelanggan akan terjejas dengan menyertai PEMULIH?	<ul style="list-style-type: none"> Tidak. Pembiayaan yang layak di bawah PEMULIH akan terus dikecualikan daripada ditandai sebagai penjadualan atau penstrukturan semula dalam CCRIS.
15.	Adakah saya perlu memaklumkan majikan/BPA tentang permohonan saya di bawah PEMULIH ini?	<ul style="list-style-type: none"> Anda tidak perlu memaklumkan kepada majikan/BPA kerana pemotongan gaji akan diteruskan seperti biasa. Agrobank akan mengembackkan secara bulanan jumlah penuh atau sebahagian jumlah wang yang telah dipotong mengikut pilihan (rujuk soalan 5) yang telah dibuat oleh pelanggan.
16.	Bilakah saya akan menerima pemulangan bayaran dari Agrobank?	<ul style="list-style-type: none"> Pihak Agrobank akan mengembackkan jumlah wang yang dipotong (tertakluk kepada pilihan yang dibuat oleh pelanggan) setelah menerima bayaran dari pihak BPA.



SOALAN-SOALAN LAZIM

PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT & PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH)

NO.	SOALAN	JAWAPAN
17.	Sekiranya saya telah menyertai di bawah program Bantuan Bayaran Pembiayaan Bersasar (BBPB), adakah saya layak untuk memohon di bawah PEMULIH?	Ya, pelanggan yang telah menyertai di bawah program BBPB layak untuk memohon di bawah program PEMULIH dengan mengemukakan borang permohonan atas talian yang boleh didapati di https://pemulih.agrobank.com.my/ dan hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti dinyatakan di perkara 10.
18.	Saya masih terikat di bawah program BBPB dan berminat untuk memohon di bawah program PEMULIH, apakah akan terjadi dengan program sedia ada saya?	<p>Pelanggan BBPB mempunyai pilihan seperti berikut:</p> <p>1. <u>Buat permohonan dibawah program PEMULIH</u> Sekiranya permohonan PEMULIH diluluskan, secara langsung akan membatalkan program BBPB dan program PEMULIH akan berkuatkuasa serta merta. Contohnya:</p> <p>Program BBPB : Pengurangan ansuran 50% untuk 6 bulan Bermula : Bulan 05/2021 Berakhir : Bulan 10/2021</p> <p>Bulan 07/2021 pelanggan memohon di bawah program PEMULIH untuk 6 bulan moratorium kerana masalah perniagaan terjejas disebabkan Perintah Pergerakan Kawalan (PKP).</p> <p>Kesan : Program BBPB yang sepatutnya berakhir bulan 10/2021 akan ditamatkan serta merta dan tempoh moratorium di bawah program PEMULIH akan bermula bulan 07/2021 dan berakhir bulan 12/2021.</p> <p>2. <u>Tunggu sehingga tamat tempoh program BBPB</u> Program BBPB akan diteruskan sehingga tempoh tamat program dan pelanggan boleh membuat permohonan di bawah program PEMULIH pada bulan terakhir program BBPB. Contohnya:</p> <p>Program BBPB : Pengurangan ansuran 50% untuk 6 bulan Bermula : Bulan 05/2021 Berakhir : Bulan 10/2021</p> <p>Bulan 10/2021 pelanggan memohon di bawah program PEMULIH untuk 6 bulan moratorium kerana masalah perniagaan masih terjejas disebabkan Perintah Pergerakan Kawalan (PKP). Program PEMULIH pelanggan akan bermula dari bulan 11/2021 dan akan berakhir pada bulan 04/2022.</p>
19.	Adakah tarikh matang pembiayaan saya akan terkesan dengan kedua-dua program ini?	<p>Ya, tarikh matang pembiayaan pelanggan akan terkesan kerana tempoh pembiayaan yang dilanjutkan.</p> <p>Contohnya: Tarikh matang asal pembiayaan : bulan 06/2022 Dibawah BBPB, pelanggan memohon pengurangan ansuran 50% untuk tempoh 6 bulan dan tempoh matang pembiayaan dilanjutkan 6 bulan. Maka tarikh matang baru adalah pada bulan 12/2022.</p> <p>Setelah tamat program BBPB, pelanggan memohon program PEMULIH dengan moratorium untuk tempoh 6 bulan beserta lanjutan tempoh matang pembiayaan untuk 6 bulan. Maka tarikh matang pembiayaan yang baharu adalah bulan 06/2023.</p>



SOALAN-SOALAN LAZIM

PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT & PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH)

NO.	SOALAN	JAWAPAN
20.	Bagaimana sekiranya saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan keuntungan yang dicaj ke atas pembiayaan saya bagi program PEMULIH ini dan kesan ke atas pembiayaan saya secara keseluruhan.	<p>Pelanggan boleh menelefon Pegawai Kredit di cawangan Agrobank yang biasa anda berurusan bagi pengiraan kos-kos yang terlibat atau ke cawangan-cawangan berdekatan anda.</p> <p>Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476.</p>
21.	Bilakah tarikh efektif bagi permohonan di bawah program PEMULIH ini?	<p>Bagi permohonan yang diterima pada bulan 07/2021, tarikh efektif program PEMULIH adalah pada 1 Julai 2021.</p> <p>Namun begitu, bagi permohonan yang diterima bermula bulan 08/2021 dan keatas, tarikh efektif adalah pada bulan berikutnya.</p> <p><i>* Bagi kes-kes yang diproses secara langsung diperingkat cawangan Agrobank (contohnya seperti pembiayaan modal pusingan yang ditukar ke pembiayaan berjangka), tarikh efektif adalah mengikut persetujuan pelanggan dan cawangan semasa penilaian dibuat.</i></p>
22.	Adakah terdapat tarikh tertentu untuk permohonan saya dinilai oleh pihak Bank?	<p>Bagi permohonan individu, permohonan secara dalam talian akan ditutup pada hari terakhir setiap bulan pada jam 12 tengahari. Permohonan yang diterima selepas jam 12 tengahari akan dinilai pada bulan akan datang.</p> <p>Bagi permohonan PKS, permohonan bagi bulan berkaitan perlu dikemukakan secara atas talian 2 hari sebelum akhir bulan. Permohonan yang diterima dalam tempoh 2 hari sebelum hujung bulan akan dinilai pada bulan akan datang.</p> <p>Contohnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelanggan individu memohon pada 31/7/2021 jam 11 pagi – permohonan akan dinilai pada bulan semasa 2. Pelanggan individu memohon pada 31/7/2021 jam 3 petang – permohonan akan dinilai pada bulan akan datang 3. Pelanggan PKS memohon pada 29/7/2021 – permohonan akan dinilai pada bulan semasa 4. Pelanggan PKS memohon pada 31/7/2021 – permohonan akan dinilai pada bulan akan datang.